

**DASAR-DASAR UTAMA
JABATAN PERIKANAN SABAH**

BAHAGIAN A

(i) MAKLUMAT ASAS ORGANISASI

1. NAMA ORGANISASI

Jabatan Perikanan Sabah

2. WAWASAN

Wawasan Sektoral

Jabatan Perikanan mempunyai wawasan untuk sektor perikanan seperti berikut: “Wawasan kami adalah bahawa industri perikanan di Negeri Sabah membangun menjadi suatu industri yang moden, komersial dan progresif. Kami berwawasan suatu masa hadapan di mana rakyat Malaysia daripada semua lapisan hidup akan menikmati segala faedah yang datangnya daripada kekayaan dan kemakmuran industri perikanan pelbagai sektor di Sabah.”

Wawasan Organisasi

Jabatan Perikanan mempunyai wawasan untuk organisasi seperti berikut: “Untuk menjadi ketua di Negeri Sabah dalam pengurusan mapan perikanan, akuakultur, dan alam sekitar akautik; dan sebagai organisasi peneraju utama dalam membawa pembangunan kepada para nelayan, penternak ikan dan ahli-ahli komuniti perikanan umum di Sabah.”

3. OBJEKTIF

Jabatan Perikanan mempunyai misi seperti berikut: “Misi kami adalah untuk mengurus dan membangun industri perikanan selaras dengan matlamat mewujudkan satu sektor yang moden dan komersial, memberi peluang dan faedah maksimum kepada semua sektor dalam industri serta untuk menjamin pembangunan yang berterusan dan lestari.”

Untuk mencapai misi ternyata ini di atas, Jabatan Perikanan telah membentuk beberapa objektif khusus seperti berikut –

- Meningkatkan status sosio-ekonomi nelayan dan penternak di negeri Sabah.
- Membangun industri perikanan termasuk akuakultur di negeri Sabah secara mapan.
- Meningkatkan pengeluaran ikan daripada industri perikanan laut dan akuakultur di negeri Sabah.
- Melaksanakan pengurusan segala sumber perikanan di negeri Sabah secara betul dan rasional supaya untuk menjamin industri yang mapan dan sumber-sumber yang berkekalan.
- Menjalankan kerja-kerja penyelidikan dengan tujuan memperbaiki dan meningkatkan teknologi perikanan dan usaha-usaha pengurusan sumber perikanan.
- Memajukan industri perikanan sebagai satu sektor perusahaan dan perdagangan yang bertaraf komersial, moden dan berdaya maju.

4. **FUNGSI UTAMA**

Fungsi utama Jabatan Perikanan adalah seperti berikut –

- i. Melaksanakan pengurusan sumber perikanan khususnya melalui pengawasetiaan (perlesenan) aktiviti menangkap ikan;
- ii. Melaksanakan pengawasetiaan (perlesenan) aktiviti akuakultur;
- iii. Melaksanakan satu sistem maklumat dan statistik perikanan berkenaan dengan perikanan dan akuakultur;
- iv. Melaksanakan program pembangunan dan peningkatan kedudukan sosio-ekonomi kumpulan sasaran – para nelayan, penternak ikan dan pengilang produk perikanan;
- v. Menjalankan kerja-kerja penyelidikan khususnya yang ada berkaitan dengan perikanan dan akuakultur, dan sumber-sumber perikanan;
- vii. Menjalankan program yang bertujuan untuk meningkatkan penghasilan komoditi perikanan; dan

- viii. Menjalankan program yang bertujuan untuk membangun industri perikanan tangkap dan akuakultur menjadi sektor ini satu yang maju dan komersil, dan pada yang sama pembangunan dilakukan secara mapan.

(ii) **MAKLUMAT DASAR**

5. **Dasar**

(I) Dasar Utama - Peringkat Kementerian Negeri

a. Dasar Pertanian Negara Ke-Tiga (DPN3)

Selepas satu dekad strategi dan pendekatan pembangunan yang digariskan dalam Dasar Pertanian Negara Kedua telah jadi tidak relevan dan menepati kehendak semasa dan cabaran-cabaran di alaf baru. Menyedari kepentingan ini, kerajaan telah menggubal semula dasar-dasar yang berkenaa dengan pertanian dan terbentuklah Dasar Pertanian Negara Ke-Tiga (DPN3) untuk meransangkan pembangunan sektor pertanian negara agar ianya menjadi lebih strategik dan berdaya-saing. Objektif utama DPN3 ialah untuk memaksimumkan pendapatan sektor pertanian melalui penggunaan sumber-sumber secara optima. Teras utama DPN3 adalah -

- Meningkatkan pengeluaran dan sekuriti makanan.
- Meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian.
- Memperkukuhkan jalinan kerjasama dengan lain-lain sektor.
- Mewujudkan sumber pembangunan baru untuk sektor pertanian.
- Memulihara dan menggunakan sumber secara mapan.

Untuk memastikan sektor pertanian (termasuk perikanan) dapat bersaing dengan lain-lain sektor ekonomi, strategi dan pendekatan pembangunan perlulah serasi dengan keadaan dan kehendak semasa, DPN3 juga telah mengutarakan dua pendekatan pembangunan baru, iaitu, (1) pendekatan berasaskan produk, dan (2) pendekatan integrasi perhutani.

Berdasarkan kepada adanay sumber semulajadi yang boleh dibangunkan, Kerajaan berkeyakinan besar bahawa sektor pertanian termasuk perikanan dapat memberikan sumbangan bermakna kepada pembangunan negara. Bagi sektor perikanan, matlamat pengeluaran ikan yang ditetapkan di bawah DPN3 adalah mencabar tetapi boleh dicapai. Berdasarkan kepada kesediaan sumber, dijangkakan sektor perikanan negara berupaya untuk menghasilkan pengeluaran ikan berjumlah 1.93 juta tan metrik pada tahun 2010.

b. Dasar Pertanian Negeri Kedua

Dasar dan polisi pembangunan pertanian di Sabah digariskan dalam Dasar Pertanian Negeri Kedua yang dibentuk pada tahun 1995. Berikutan dengan perubahan dalam dasar-dasar nasional mengenai sektor pertanian seperti yang ditetapkan dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga, Negeri Sabah telah mengubahsuai dasar-dasar negeri pada tahun itu. DPNS2 telah dirangka selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3).

Polisi yang diformulasikan bagi sektor pertanian (termasuk perikanan) adalah untuk membawa transformasi kepada sektor ini menjadi yang moden, komersial, dinamik dan berdaya saing, dan bermatlamat untuk membentuk satu perniagaan pertanian, perladangan dan enterprais yang di cekap dan dipandu oleh pasaran, dan mengeluarkan produk dan proses yang inovatif.

DPNS2 merupakan satu dasar kerajaan Negeri Sabah yang jelas menggariskan pembangunan sektor perikanan. Teras pembangunan sektor perikanan negeri yang terkandung dalam DPNS2 adalah -

- Peningkatan pengeluaran ikan untuk makanan dan eksport.
- Meningkatkan produktiviti dan daya saing.
- Peningkatan pelaburan sektor swasta.
- Penerokaan dan pemuliharaan sumber perikanan secara mapan.
- Pembangunan sumber manusia.
- Merasionalisasi institusi berkaitan dengan perikanan.

c. Dasar Halatuju Pembangunan dan Kemajuan Negeri Sabah.

Dasar Halatuju Pembangunan dan Kemajuan Negeri Sabah, yang dibuat pada tahun 2003, mencerminkan matlamat yang dinyatakan dalam DPNS2. Dasar Halatuju, iaitu menerangkan teras pembangunan strategik negeri Sabah, menasaskan di antara lainnya, supaya Sabah menjadi pusat pertanian moden yang terkemuka di peringkat negara dan rantau ini. Dalam ertikata yang lain, proses pertanian perlu dipermodenkan, dari peringkat penanaman hingga pemprosesan sesuatu produk serta pemasarannya.

Strategi-strategi yang perlu diambil termasuk untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran produk, menjana lebih banyak produk-produk nilai tambah, meningkatkan mutu produk, dan mengurangkan kebergantungan kepada bahan-bahan makanan import. Konsep penzonan yang lebih efektif dari segi pengeluaran produk juga perlu dilaksanakan. Di samping usaha untuk mencapai matlamat-matlamat ekonomi, agenda pembangunan sosial juga ditekankan. Ini termasuk pembangunan luar bandar dan meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi golongan-golongan yang kurang kemampuan dan miskin.

(ii) Dasar Sokongan Peringkat Jabatan

Polisi-polisi berkenaan dengan sektor perikanan dalam DPNS2, yang menjadi dasar sokongan di peringkat Jabatan, adalah seperti berikut -

1. Industri perikanan adalah satu industri yang penting dalam negeri dan memainkan peranan yang besar dalam membekal protin haiwan kepada penduduk-penduduk. Negeri Sabah adalah cukup saradiri dalam pengeluaran ikan mala menikmati lebih dagangan dalam eksport/import ikan dan hasil perikanan. Negeri Sabah mempunyai potensi dan sumber-sumber perikanan yang cukup untuk meningkatkan lagi pengeluaran ikan terutama daripada perikanan laut dalam di perairan laut Zon Ekonomi Eklusif dan akuakultur laut dan air payau.
2. Teras dasar bagi sektor perikanan adalah dalam peningkatan pengeluaran untuk sekuriti makanan dan eksport, penambahan dalam produktiviti dan daya-saing, peningkatan dalam pelaburan sektor swasta, penggunaan dan pemuliharaan sumber-sumber perikanan secara mapan, pembangunan sumber tenaga manusia dan rasionalisasi institusi-institusi perikanan.
3. Pembangunan industri perikanan akan digiatkan dan ditingkatkan secara bersepadu dan komersial melalui pembangunan rasional dan mapan sektor perikanan tangkapan dan akuakultur untuk pembangunan ekonomi, pengeluaran makanan domestik dan sekuriti makanan serta komponen untuk eksport.
4. Usaha-usaha untuk menggalakkan dan mempergiatkan pembangunan perikanan yang teguh dan mesra-alam, termasuk sektor akuakultur, akan didokong dengan prinsip penggunaan mapan dan pengurusan sumber untuk memastikan kualiti, kepelbagaian dan keadaan sumber perikanan dalam kualiti yang cukup secara berkekalan. Pemuliharaan, pengurusan dan pembangunan sumber-sumber perikanan yang efektif akan mengambil kira aspek-aspek biologi, teknologi, ekonomi, sosial, alam sekitar dan budaya setempat. Pembangunan yang mapan dan komplementari disasarkan untuk dicapai dalam zon-zon pembangunan marin, persisiran pantai dan air tawar dengan menggalakkan penyepaduan penggunaan dan aktiviti di zon-zon ini.
5. Untuk menyokong dan meneruskan industri-industri perikanan tangkapan dan akuakultur yang sedia ada dan membangunkan yang baru, asas-asas ekonomi sektor ini akan diperkukuhkan. Ini termasuk meningkatkan pembangunan sumber tenaga manusia, meningkatkan keupayaan R & D dan teknologi, memperluaskan infrastruktur dan

prasarana dan khidmat sokongan, insentif dan kewangan, dan membolehkan rangkakerja perundangan, administratif dan institusi yang efektif. Pembangunan tenaga manusia akan fokus kepada mengadakan lebih ramai perkerja yang mahir bagi sektor perikanan tangkapan dan ternakair termasuk juru nelayan, serang, pakar-pakar akuakultur dan peralatan menangkap ikan. Satu skema pelaburan berkordinasi dalam pembangunan penyelidikan dan teknologi yang mempunyai perkongsian dengan sektor swasta yang bermunafaat bersama untuk meningkatkan daya-saing perikanan tempatan akan dilaksanakan.

6. Usaha-usaha akan ditumpukan kepada peningkatan kecekapan dan produktiviti serta daya-saing sektor perikanan. Untuk menambah kecekapan dan daya pengeluaran, automasi dan mekanisasi akan dipergiatkan dalam sektor perikanan termasuk dalam bidang penangkap ikan, pengendalian ikan dan pengeluaran ternakair dan juga dalam perkilangan dan pemprosesan produk.
7. Tumpuan akan diberi kepada integrasi menegak (vertical Integration) aktiviti-aktiviti atasan dan hiliran termasuk aspek-aspek pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran. Untuk memperbaiki pemasaran ikan dan produk perikanan, sistem pemasaran dan sistem maklumat sasaran akan diperbaiki. Usaha-usaha akan dijalankan untuk membangunkan dan melaksanakan program-program keselamatan dan peningkatan kualiti dan keutuhan makanan dalam perikanan tangkapan dan akuakultur, termasuk mematuhi piawaian-piawaian yang diterima umum di antarabangsa mengenai kualiti dan keselamatan makanan dan produk seperti Hazard Analysis Critical Control Points (HACCP) dalam semua kilang pemprosesan.
8. Pelaburan sektor swasta dalam perikanan tangkapan berskala komersial dan dalam sektor kecil akuakultur yang beroperasi skala industrial dan besar, dan pengeluaran benih dan makanan ikan akan digalakkan.
9. Pembangunan aktiviti dan industri nilai-tambah yang berasaskan perikanan, termasuk pemprosesan dan pengilangan produk makanan dan industri akan dipergiatkan untuk mengambil dan membuka peluang dalam sasaran eksport dan tempatan. Selain daripada ini, pemilihan bagi spesis-spesis ternakan dalam akuakultur, pilihan produk-produk bagi pemprosesan hiliran, pembangunan produk dan pemprosesan akan dipandukan dengan pendekatan berasaskan produk dimana fokus akan diberikan pada menepati permintaan pasaran yang spesifik, citarasa dan potensi untuk produk-produk perikanan tertentu. Peluang-peluang di pasaran khusus dan “niche” akan dieksploitasikan.

10. Untuk meningkatkan sambutan umum dalam pasaran bagi produk-produk perikanan, usaha akan dilaksanakan untuk membangun dan melaksanakan program-program keselamatan dan peningkatan kualiti dan keutuhan makanan perikanan dalam perikanan tangkapan dan akuakultur, termasuk mematuhi piawaian-piawaian yang diterima umum di antarabangsa mengenai kualiti dan keselamatan makanan dan produk seperti HACCP. Keistimewaan dan kepelbagaian produk dan pemakaian jenama dalam produk akan diberi tumpuan dalam pengilangan dan pemprosesan tempatan. Selain daripada itu, teknologi-teknologi pemprosesan yang inovatif dan pembangunan produk-produk baru akan dipromosikan.
11. Sistem pengedaran pasaran dan sistem maklumat pasaran untuk ikan dan produk ikan akan dirasonalkan dan diperbaiki. Pendidikan pasaran untuk pengeluar, pengilang dan pengguna mengenai ciri-ciri dan cara mengendali produk-produk perikanan akan dilaksanakan.

Perikanan Tangkap

- a. Matlamat dalam perikanan tangkap ikan marin adalah untuk memaksimumkan pengeluaran dari sumber perikanan laut sedia ada berdasarkan pengurusan yang rasional dan mapan dengan kadar penangkapan secara maksima. Penekanan akan diberi pada peningkatan pengeluaran ikan dari tangkapan laut dalam. Bagi perikanan pantai dan pesisir pantai, usaha akan diteruskan dalam mengekalkan kadar pengeluaran masa kini untuk mengawal dan memastikan eksploitasi yang berterusan bagi sumber-sumber ini. Untuk memastikan pembangunan mapan dan mengekalkan daya saing dan kecekapan dalam pengeluaran ikan marin, pengurusan yang cekap dan mesra-sumber dari segi penggunaan alat-alat tangkapan akan digalakkan. Usaha sama antara syarikat swasta dari luar negeri dengan syarikat tempatan akan dipromosikan dibawah kumpulan perdagangan serantau seperti BIMP-EAGA, khususnya dalam usaha tangkapan ikan laut dalam.
- b. Bagi perikanan tangkap ikan air tawar, eksploitasi sumber-sumber tersebut akan dibenarkan untuk penduduk luar bandar dengan dikawal berdasarkan prinsip kadar penangkapan optima dan pemuliharaan kepelbagaian biologi.
- c. Usaha mewujudkan pengurusan sumber yang sistematik dan mapan akan dilaksanakan dengan berkesan melalui peningkatan kawalan dan memantapkan penguatkuasaan undang-undang perikanan. Usaha dalam pengurusan sumber akan disokong dengan penyelidikan dan pengumpulan data

stok ikan, sumber akuatik, alam sekitar dan data asas yang berkaitan.

- d. Sebagai salah satu strategi dalam pembangunan pelancongan agro, aktiviti rekreasi dan sukan perikanan akan digalakkan.
- e. Langkah-langkah akan diambil untuk memastikan pemuliharaan sumber semulajadi dan ekosistem seperti hutan paya bakau dan tanah lembap yang menjadi tempat pergantungan habitat perikanan supaya sumber ini berkekalan dan mapan.
- f. Tindakan akan diambil dalam peningkatan dan pembesaran kelengkapan dan perkhidmatan di tempat-tempat pendaratan khususnya mewujudkan perkhidmatan dan kelengkapan pendaratan ikan yang moden, bilik sejuk, pusat lelongan, pembaikan kapal dan kelengkapan pemasaran yang lain.

Akuakultur

- g. Matlamat dalam pembangunan akuakultur ialah untuk meningkatkan pengeluaran sektor perikanan. Pengeluaran akuakultur akan ditingkatkan dengan menggalakkan lebih banyak penglibatan dalam aktiviti akuakultur termasuklah akuakultur marin, air payau, kolam-kolam ikan air tawar, sangkar ikan, pengkulturan marin, pusat pengeluaran benih ikan, dan pengeluaran ikan hiasan dan pengkulturan ikan akuarium. Pengeluaran secara besar-besaran yang mempunyai operasi secara intergrasi menegak yang merangkumi pengeluaran dan pemprosesan dengan nilai tambah di peringkat ladang akan digalakkan.
- h. Untuk menjamin industri akuakultur yang mapan dan sistematik, pembangunan akuakultur di negeri Sabah akan dirasionalisasikan dengan meningkatkan kecekapan dan produktiviti di kalangan penternak. Langkah-langkah akan diambil untuk mempromosikan pembangunan akuakultur dengan mengambil kira keberkesanan kos, penggunaan teknologi dan kaedah kultur yang mapan dan mempunyai kesesuaian dengan alam sekitar, aplikasi pengeluaran dan pasca tangkapan yang baik.
- i. Demi mewujudkan pembangunan yang teratur, penyediaan infrastruktur dan kelengkapan sokongan yang diperlukan serta dirasionalisasikan bagi integrasi pengurusan dan penggunaan sumber tanah dan perikanan, kawasan pembangunan akuakultur akan dikenalpasti dan dizonkan. Satu pengkalan

data yang menyeluruh mengenai tanah yang mana akan memasukkan portfolio kawasan-kawasan marin, pesisir pantai dan kawasan darat yang bersesuaian akan disediakan untuk menyediakan maklumat mengenai adanya kawasa tanah tersedia yang sesuai untuk akuakultur yang boleh diterokai dan dimajukan oleh pihak swasta.

- j. Spesis-spesis yang dicadangkan untuk akuakultur adalah spesis yang mempunyai nilai yang tinggi dan terkenal dan diterima dengan baik dalam pasaran tempatan dan untuk eksport luar negeri. Spesis tersebut termasuklah udang harimau, rumpai laut dan ikan hiasan. Program-program penyelidikan dan pembangunan bagi pengkulturan dan ternakan, pengeluaran benih, peningkatan penternakan akuatik, pembaikan genetik, pemilihan pelbagai, pencegahan dan pengurusan penyakit, pengeluaran benih dan makanan ikan dan sistem yang mesra alam akan dilaksanakan.
- k. Pembinaan ladang-ladang akuakultur yang menjurus kepada aktiviti akuapelancongan akan digalakkan.

6. Strategi Pelaksanaan Dasar

Dalam konteks pembangunan negara, sub-sektor perikanan tangkapan di laut masih menjadi tulang belakang kepada pembangunan perikanan keseluruhan. Sumbangan sub-sektor ini dari segi pengeluaran ikan adalah besar. Adalah dijangkakan bahawa sumbangan pendaratan ikan dari sub-sektor ini pada tahun 2010 masih besar iaitu 1.33 juta tan metrik atau 70% keseluruhan. Manakala, sub-sektor akuakultur akan dipesatkan pembangunannya untuk menampung peningkatan permintaan ikan. Skop pembangunan industri akuakultur negara adalah luas berdasarkan kepada kesediaan sumber-sumber yang boleh dibangunkan untuk industri akuakultur sama ada ternakan ikan airtawar, ikan/udang air payau dan ternakan moluska. Adalah diharapkan pembangunan sub-sektor akuakultur secara mampan dan terancang akan menghasilkan pengeluaran ikan/udang berjumlah 600,000 tan metrik setahun mulai tahun 2010.

DPNS2 juga merangkumi dasar dan matlamat jangka masa panjang (sehingga tahun 2010) bagi sektor perikanan di Sabah. Dalam jangka masa sedarhana dan khususnya bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010), Jabatan Perikanan Sabah kini telah merangka satu pelan strategik bagi pembangunan dan pengurusan sektor perikanan di Sabah. Pelan strategik ini dipandukan oleh dasar-dasar yang terkandung dalam DPNS2 dan juga dasar/teras pembangunan strategik Sabah (Dasar Halatuju Pembangunan dan Kemajuan Negeri Sabah).

Pelan strategik pembangunan dan pengurusan perikanan bagi tahun 2005-2010 adalah satu pelan yang akan menjadi “leadership statement” bagi Jabatan Perikanan dalam penentuan dasar dan polisi serta perancangan dan pelaksanaan program dan projek bagi pembangunan dan pengurusan sektor perikanan di Sabah dalam jangka masa sedarhana. Pelan ini akan menggariskan strategi-strategi bagi mencapai objektif-objektif yang disasarkan bagi industri perikanan di Sabah. Bagi setiap strategi yang ditetapkan, pelan-pelan tindakan dirumuskan dan ditetapkan. Seterusnya, pelan-pelan tindakan ini akan dilaksanakan dengan pembentukan dan perangkaan projek dan program.

Pelan strategik yang dimaksudkan ini akan dirumuskan daripada empat pelan strategik kecil yang dibentuk. Ini adalah pelan-pelan strategik bagi sektor kecil perikanan tangkapan, akuakultur, penyelidikan dan pembangunan socio-ekonomi dan luar bandar.

(i) Perikanan Tangkapan Dan Industri Lepas Tuai

Teras pelan strategik spesifik bagi subsektor perikanan tangkapan dan industri lepas tuai adalah :

- a. Meningkatkan pengeluaran ikan daripada perikanan tangkapan laut khususnya melalui peningkatan bilangan unit pengeluaran (kapal-kapal menangkap ikan).
- b. Mengurus, melindungi dan memulihara sumber perikanan laut dan ekosistem-ekosistem marin dan persisiran pantai secara sistematik dan mapan.
- c. Membangun dan meningkatkan status socio-ekonomi masyarakat nelayan dan penternak ikan khususnya di luar bandar.
- d. Membangun dan mengembangkan sektor kecil pasca tangkapan dan industri pemprosesan dan pengilangan produk perikanan.
- e. Membangunkan sektor perikanan marin sebagai satu sektor perusahaan dan perdagangan yang bertaraf komersial, moden dan berdaya maju.

(ii) Akuakultur

Teras pelan strategik spesifik bagi subsektor akaukultur adalah :

- a. Meningkatkan pengeluaran ikan dari aktiviti-aktiviti pengkulturan.
- b. Membangun dan memperbanyakkan bilangan pengusaha dan ladang akuakultur, dan membuat demikian mengikut satu pelan pembangunan setempat yang mapan dengan mengambilkira sumber-sumber alam sekitar dan di mana prinsip pengezonan industri akan dilaksanakan.
- c. Mengurus, melindungi dan memulihara sumber-sumber alam sekitar yang menyokong dan penting bagi pembangunan akuakultur.
- c. Membangun dan meningkatkan sosio-ekonomi pengkulturan dan penternak ikan.
- d. Membangun dan mengembangkan industri pemprosesan dan pengilangan produk akuakultur.
- e. Membangun sub-sektor akuakultur sebagai salah satu sektor perdagangan yang berdaya maju.

(iii) Sosio-Ekonomi Perikanan Dan Luar Bandar

Tumpuan dan teras pelan strategik spesifik bagi pembangunan sosio-ekonomi dan luar bandar adalah :

- a. Meningkatkan taraf sosio ekonomi serta kualiti hidup secara menyeluruh golongan yang dikategorikan sebagai golongan Termiskin dan Miskin keluar dari belenggu kemiskinan.
- b. Meningkatkan kesedaran dan kemahiran di kalangan golongan sasaran dalam sektor perikanan kepada bersikap berdikari dan pro aktif.
- c. Pembangunan komprehensif perkampungan nelayan khususnya di pesisir pantai dan pulau-pulau di Sabah.
- d. Menggalakkan dan mengukuhkan penglibatan masyarakat nelayan agar bergerak dalam kesatuan yang berhala tuju dalam melahirkan masyarakat komersial dan industri.

(iv) Penyelidikan Dan Pembangunan

Pelan strategik spesifik bagi penyelidikan dan pembangunan adalah :

- a. Kajian saintifik untuk memelihara stok sumber perikanan dalam negeri bertujuan memastikan pembangunan perikanan mapan dan pengurusan berkesan.
- b. Melaksanakan kajian terhadap teknologi peralatan eksploitasi yang selektif, berkesan dan mesra alam bagi mengawal sumber perikanan secara mapan.
- c. Melalui kajian ekologi, membekalkan maklumat saintifik perlu terhadap perlindungan, pemeliharaan dan pengurusan pelbagai ekosistem akuatik dan darat yang kritis terhadap produktiviti perikanan dan keselamatan awam.
- d. Meningkatkan pengeluaran ikan melalui pembangunan akuakultur yang berdaya maju dan mesra alam dengan sokongan kajian sistem dan teknologi yang kukuh.
- e. Melalui sokongan R & D, menggalakkan perkembangan industri pemprosesan secara mapan dan teratur dengan aspek kebersihan, kualiti serta keselamatan awam diutamakan

(v) Pelan Tindakan Pembangunan Daerah

Selain daripada empat pelan strategik yang berorientasikan sektor-sektor kecil, Jabatan juga membuat satu pelan yang bertujuan membangunkan sektor perikanan setempat.

Pelan tindakan pembangunan daerah adalah satu pelan *in-situ* yang terperinci yang akan mengariskan bagai mana pelan-pelan tindakan dan projek serta program yang ditetapkan akan dilaksanakan di peringkat kumpulan-kumpulan sasaran, iaitu di daerah. Pelan ini akan diwujudkan bagi setiap daerah dan merupakan satu pelan yang komprehensif. Di antara aspek-aspek yang dirangkumi dalam pelan daerah ini adalah -

- Pengenalpastian kumpulan-kumpulan sasaran
- Pengenalpastian kawasan-kawasan pembangunan
- Penentuan projek-projek pembangunan
- Penentuan projek-projek bagi rakyat miskin dan pembangunan luar bandar
- Pangkalan data mengenai sumber (tanah, perikanan, perairan, dll.)
- Pembangunan sumber manusia
- Program pengurusan sumber (termasuk perlesenan)
- Model pentadbiran/administratif daerah
- Pembangunan Jabatan di daerah

- Sistem perhubungan dan kerja dengan jabatan/agensi lain dalam perkara pembangunan

7. Program dan Projek Jabatan

Bagi merealisasikan pelan-pelan tindakan yang dirangka oleh Jabatan Perikanan Sabah, termasuk pelan strategik bagi pembangunan dan pengurusan perikanan secara umum, aktiviti, program dan projek Jabatan Perikanan Sabah adalah tertumpu kepada bidang berikut -

(i) Perancangan Pembangunan Industri

Jabatan memainkan peranan penting supaya industri perikanan tangkap dan akuakultur berkembang dengan teratur dan mapan. Perancangan bagi pembangunan akuakultur melibatkan penyediaan Pelan Pembangunan Akuakultur Setempat yang menitikberatkan penggunaan sumber perikanan dan semulajadi secara mapan serta melindungi alam sekitar. Perancangan industri tangkap melibatkan penetapan bahawa aktiviti-aktiviti menangkap ikan dilakukan secara rasional serta menghasilkan ikan tanpa memudaratkan sumber perikanan.

Bagi kedua-dua ini, tujuan asas Jabatan Perikanan adalah untuk meningkatkan pengeluaran ikan dan hidupan air yang lain dengan mengambil kira pendekatan bahawa pembangunan digalakkan di mana usaha produksi sesuai pada suatu tempat dan tempoh masa.

(ii) Pembangunan Industri dan Komoditi

Program Pembangunan Industri dan Komoditi bertujuan untuk meningkatkan penghasilan komoditi perikanan daripada industri perikanan laut dan akuakultur di negeri Sabah. Bagi sektor kecil perikanan tangkap, pengeluaran hasil daripada laut dalam akan dipergiatkan lagi. Mengikut anggaran berasaskan kajian sumber, sumber laut dalam di laut dalam, Pantai Barat, Sabah menunjukkan ada 50,000 – 80,000 tan metrik sumber di kawasan tersebut.

Bagi sektor kecil akuakultur, jenis produk yang dikenalpasti adalah udang harimau, rumpai laut, ikan laut yang tinggi nilainya dan tilapia. Industri pemprosesan hiliran berasaskan produk-produk yang dikeluarkan ini juga akan digalakkan. Sasaran bagi Negeri Sabah untuk mengeluarkan hasil produk ternakair adalah jumlah 50,000 tan metrik menjelang tahun 2010; ini adalah tiga kali ganda daripada apa yang dihasilkan sekarang.

Matalamat ini dirancang dicapai dengan menumpukan usaha-usaha Jabatan seperti bantuan, sokongan, kredit dan kemudahan kewangan, pemindahan

teknologi, perlesenan perusahaan di tempat-tempat yang dibolehkan/digalakkan, pembangunan sumber manusia serta sokongan am yang lain.

(ii) Pembangunan Teknologi

Dasar Pertanian Negara ketiga dan Dasar Pertanian Negeri Sabah kedua bermatlamat untuk mentransformasi sektor pertanian (termasuk perikanan) menjadi satu yang moden Komersial dan berdaya maju. Program Balance of Trade/Transfer of Teknologi (BOT/TOT) adalah program khusus untuk mencapai objektif ini.

(iv) Program Penyelidikan

Program penyelidikan yang dijalankan oleh Jabatan bertujuan untuk memperolehi maklumat, data dan kesimpulan yang digunakan untuk menyokong atau meningkatkan keberkesanan program-program Jabatan yang lain contoh-contoh adalah seperti berikut –

Jenis Penyelidikan	Program
1. Kajian sumber perikanan, populasi ikan, taburan spesis, penyakit ikan	Pengawaseliaan dan pengurusan sumber
2. Biologi dan kitaran hidup ikan, pembenihan dan pembiakan, pemakanan peralatan menangkap ikan penternakan	Pembangunan teknologi
3. Keracunan Kerang, ekologi akuatik	Kesihatan awam dan keracunan kerang
4. Penternakan dan penghasilan	a. Pengembangan dan sokongan am (insentif perikanan) b. Pembangunan sosio-ekonomi (subsidi perikanan)

(v) Program Pembangunan Insan dan Latihan

Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kumpulan sasar termasuk nelayan, penternak ikan, dan pengilang produk perikanan. Ini dilaksanakan melalui (1) latihan formal, (2) latihan sambil belajar (3) latihan sangkut, dan (4) seminar dan taklimat umum. Kategori latihan termasuk –

- (1) Perternakan atau pemeliharaan akuakultur
- (2) Pembenihan dan pembiakan
- (3) Pemprosesan hasil perikanan
- (4) Navigasi alat pengesan ikan dan peralatan marin

- (5) Marin dan otomasi akuakultur atau marin (kapal menangkap ikan)
- (6) Pengendalian dan jaminan kualiti produk
- (7) Peralatan dan cara menangkap ikan
- (8) Kenakhodaan kapal menangkap ikan dan kemahiran laut (skippering and seamanship)

(vi) Program Pembangunan Sosio-ekonomi

Di sektor kecil perikanan tangkap laut masih ramai nelayan kecil yang masih dikalangan yang ditentukan sebagai “miskin” atau “miskin tegar”. Program Pembangunan Sosio-ekonomi yang dikendalikan oleh Jabatan mempunyai pendekatan untuk menggunakan projek-projek ternakan dan penangkapan ikan sebagai aktiviti penjana untuk meningkatkan pendapatan mereka. Dengan adanya bantuan Jabatan seperti bantuan alat dan perkakas, latihan dan peningkatan kemahiran, nasihat teknikal dan sokongan umum, para peserta dalam program ini boleh menjalankan projek mereka dengan jayanya.

(vii) Pengurusan Sumber dan Perlindungan Sumber

Program Pengurusan Sumber dan Perlindungan Sumber bermatlamat untuk pengurusan segala sumber perikanan di negeri Sabah secara betul dan rasional supaya untuk menjamin industri yang mapan dan sumber-sumber yang berkekalan. Terutamanya ini dilaksanakan melalui perlesenan aktiviti menangkap ikan dan premis akuakultur. Sebagai sokongan, program pengawasetiaan dan penguatkuasaan dibuat khususnya untuk menguakusa dasar-dasar berkenaan dengan pengurusan sumber.

(viii) Komunikasi dan Maklumat

Program ini bertujuan untuk memberi penerangan dan maklumat kepada kumpulan sasar melalui beberapa cara termasuk pameran, bahan cetak, media massa dan majlis perjumpaan. Di antara perkara penting yang disampaikan termasuk dasar dan polisi kerajaan dan jabatan, program dan projek, maklumat teknikal dan sebagainya. Program pembangunan teknologi bertujuan untuk meningkatkan penggunaan teknologi moden dikalangan para nelayan, penternak ikan, dan pengilang produk perikanan. Di antara projek kini yang dijalankan termasuk –

- (1) Teknik pembenih dan hatcheri ikan dan teknologi pembiakan spesis baru.
- (2) Peralatan pengesan ikan haidro akuatik dan alat navigasi UPS.
- (3) Kaedah dan peralatan baru dalam ternakan ikan dalam sangkar
- (4) Peralatan otomasi dalam pengeluaran hasil perikanan dan makanan ikan
- (5) Penggunaan gentian kaca (Fibreglass) untuk membina kapal nelayan.

(ix) Kesihatan Awam dan Keracunan Kerang

Program ini menyediakan perkhidmatan demi untuk keselamatan orang awam khususnya. Bahaya yang punconya ikan dan produk perikanan. Aktiviti utama dalam program ini adalah program pengawaseliaan keracunan kerang (Red Tide).